

Diselaraskan oleh **Mazmin Mat Akhir** *mazmin@unimap.edu.my* dan **Shariffah Norlaila Syed Alwi** *shariffah@unimap.edu.my*

## Mesyuarat Jawatankuasa Perpustakaan Kali Pertama 2007

Mesyuarat Jawatankuasa Perpustakaan telah diadakan pada 7 September 2007 dengan dipengerusikan oleh Prof. Dr. Ali Yeon Md Shakaff, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa dan dihadiri oleh Dekan Pusat Pengajian, Ketua Unit dan Ketua Jabatan di UniMAP. Mesyuarat tersebut diadakan khusus untuk membentangkan laporan perkhidmatan, perkembangan koleksi, penawaran kemudahan Perpustakaan serta menentukan polisi dan keputusan berkaitan koleksi, kemudahan dan perkhidmatan Perpustakaan.

## Perpustakaan UniMAP Mepengerusikan SIG Kejuruteraan

UniMAP telah dipilih untuk mepengerusikan **Special Interest Group (SIG)** Kejuruteraan pada peringkat **Persidangan Perpustakaan Universiti dan Negara (PERPUN)**. Mesyuarat pertama **SIG** Kejuruteraan telah diadakan pada 27 September 2007 bertempat di Anjung UniMAP dengan dihadiri oleh Pustakawan Perpustakaan cabang kejuruteraan dan Pustakawan Penghubung (*Liason Librarian*) Fakulti Kejuruteraan Perpustakaan Akademik di Malaysia.

Penubuhan **SIG** Kejuruteraan membuahkan hasil kerana pelbagai program kerjasama telah dirangka untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan serta memantapkan pembangunan koleksi dalam bidang kejuruteraan. Ia juga berupaya memainkan peranan sebagai platform perkongsian sumber dan maklumat di antara Perpustakaan Universiti yang menawarkan bidang pengajian kejuruteraan.

Program

## Percambahan Minda



Program Percambahan Minda merupakan sebahagian daripada inisiatif yang dijalankan untuk meningkatkan pengetahuan staf Perpustakaan dalam bidang kepustakawanan dan sains maklumat. Seramai 23 orang staf Perpustakaan telah menghadiri program yang diadakan pada 12 September 2007 bertempat di Bilik Seminar 1, Kompleks Pentadbiran Taman Kechor. Empat orang Pustakawan telah membuat pembentangan kertas kerja berdasarkan pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh melalui penyertaan dalam bengkel dan seminar yang telah dihadiri. Ini meliputi bidang Pengukuran Prestasi Perkhidmatan Perpustakaan, Persekitaran Kerja Yang Sihat dan Perkhidmatan Nilai Tambah di Queensland University Library.

## Hari Bersama Staf Akademik

Hari Bersama Staf Akademik 2007 telah berlangsung pada 6 November 2007 bertempat di Bilik Seminar 1, Kompleks Pentadbiran Taman Kechor. Program tahunan ini diadakan khusus untuk berkongsi maklumat mengenai perkhidmatan, koleksi dan kemudahan Perpustakaan selain mendapatkan maklum balas mengenai kualiti perkhidmatan serta ekspektasi para pengguna. Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal telah menyampaikan ucapan aluan dan membentangkan kertas kerja bertajuk **"Memanfaatkan Perpustakaan Untuk Kecemerlangan Universiti"**. Pustakawan Kanan, Puan Mazmin Mat Akhir membentangkan topik **"Trend Penggunaan Perpustakaan"** diikuti dengan Encik Nashrul Fazli Mohd Nasir, Pensyarah di Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik yang membentangkan topik **"Ekspektasi dan Jangkaan Staf Akademik Terhadap Peranan Perpustakaan"**. Program tersebut dimeriahkan dengan penyertaan staf akademik dalam permainan uji minda INFRA (Information, Resources and Access) dengan tawaran hadiah menarik seperti pen drive, webcam dan hamper untuk para pemenang.





# Keputusan

## Perpustakaan UniMAP Mempengerusikan Jawatankuasa Kecil Digital Archiving

Langganan kepada sumber elektronik semakin meluas di kalangan Perpustakaan akademik di Malaysia. Pada peringkat awal, tumpuan lebih diberikan dalam usaha melanggan pangkalan data melalui kaedah konsortium. Pelbagai usaha dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pangkalan Data Komersil meliputi rundingan harga dengan pembekal produk atas talian termasuk **EBSCOHost**, **Science Direct** dan **ProQuest**. Kini, tumpuan diberikan kepada usaha memelihara koleksi digital bagi memastikan jaminan akses kepada sumber elektronik untuk masa hadapan. Sehubungan itu, **Jawatankuasa Digital Archiving** telah ditubuhkan dan Perpustakaan UniMAP telah dipilih untuk mempengerusikan jawatankuasa tersebut. Ahli jawatankuasa ini dianggotai oleh **Perpustakaan Sultanah Bahiyah**, **Universiti Utara Malaysia (UUM)**, **Perpustakaan Tuanku Bainun**, **Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)**, **Perpustakaan Universiti Teknologi MARA (UiTM)** dan **Perpustakaan Hamzah Sendut**, **Universiti Sains Malaysia (USM)**. Mesyuarat **Jawatankuasa Digital Archiving** telah diadakan pada 27 Mac 2007 dan 12 Jun 2007 di Bilik Mesyuarat Perpustakaan UniMAP.



*Salah satu nama dalam perkhidmatan pemuliharaan koleksi digital.*

## Projek Pengubahsuaian Perpustakaan

Bermula pada 23 November 2007, projek pengubahsuaian telah dilaksanakan di ruang Perpustakaan Tingkat 1 dan 2. Pengubahsuaian melibatkan kerja-kerja pembinaan ruang pejabat Ketua Pustakawan, Unit Perolehan, Unit Pemprosesan Teknik, Unit Bersiri dan Dokumen dan Unit Penerbitan di ruang Perpustakaan Tingkat 1. Semua aspek kemudahan pengguna, koleksi dan perkhidmatan akan dipusatkan di ruang Perpustakaan Tingkat 2. Kaunter Runding Maklumat yang menawarkan perkhidmatan rujukan ditempatkan secara strategik berhampiran pintu masuk Perpustakaan untuk memudahkan penawaran khidmat bantuan penggunaan Perpustakaan kepada para pengguna yang memerlukan. Pengubahsuaian juga melibatkan tambahan ruang untuk makmal komputer dengan kapasiti 12 orang pengguna pada satu masa. Makmal ini bakal dilengkapi dengan kemudahan akses kepada Internet dan sistem cetakan rangkaian yang akan dipantau sepenuhnya oleh Unit Runding Maklumat. Projek pengubahsuaian ini merupakan salah satu strategi untuk meningkatkan kefungsiannya Perpustakaan melalui penawaran lebih banyak punca akses kepada sumber elektronik dan kemudahan tambahan kepada pengguna *laptop* yang semakin meningkat bilangannya di Perpustakaan.

